

# Periksa buah pinggang secara percuma

**Putrajaya:** Mengambil kira kepentingan kesihatan awam, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MT-MZA) dengan kerjasama Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NFK) mengadakan program pemeriksaan buah pinggang percuma kepada orang ramai.

Program yang julung kali diadakan itu adalah inisiatif pihak masjid bersama yayasan dalam memberi kesedaran kepada orang ramai berhubung kepentingan menjaga kesihatan termasuk buah pinggang.

Pegawai Perhubungan Awam MTMZA Hamdan Muhammad berkata, pihaknya sering mengadakan program berbentuk kesihatan, namun lebih menurus kepada kempen derma darah.

"Sebelum ini, kita biasa mengadakan kempen derma darah orang ramai, namun kali ini kita menjayakan pemeriksaan buah pinggang percuma kepada mereka.

"Biarpun program ini baru pertama kali diadakan, ia mendapat sambutan menggalakkan apabila kira-kira 220 pengunjung mengambil peluang melakukan pemeriksaan percuma," katanya.

Dalam pada itu, Hamdan berkata, pemeriksaan yang dilakukan pada program itu seperti air kencing, darah, tahap kesihatan buah pinggang, gula dan kolesterol.

"Antara faktor kita mengadakan program ini ialah untuk memudahkan orang ramai melakukan pemeriksaan buah pinggang tanpa perlu menunggu di klinik," katanya.

Sementara itu, Hamdan berkata, pihak masjid bercadang mengadakan program pemeriksaan buah pinggang itu secara tahunan.

"Memandangkan sambutan penganjuran pertama kali dilihat membe-rangsangkan, kita merancang mengadakannya dua kali setahun bermula pada tahun depan.

"Sekiranya sempat, mungkin kita akan mengadakannya sekali lagi pada akhir tahun ini," katanya.